

# SARANG PAH: 27 RANGKAIAN TAKDIR DITUP

KOTA BHARU, Jumaat - Kesemua dua puluh tujuh tanah rancangan di bawah Perbadanan Pembangunan dan Pemuliharaan Tanah Kelantan Darul Naim (TAKDIR) akan dibarakan kerana ia telah menjadi 'sarang' kuat parti PAS.

Mengumumkan demikian Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, ramai penproka TAKDIR itu merupakan penyokong kuat PAS dan mereka telah menjadi batu penghalang kepada usaha kerajaan Barisan Nasional membangunkan Kelantan dan rakyatnya.

Katanya sebuah jawatankuasa telah dilantik dengan tanggungjawab membaratkan Perbadanan itu yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, Encik Ariffin Sud.

Jelasnya, jawatankuasa yang dilantik itu dijangka dapat

menyelsaikan tugasnya dalam tempoh enam hingga sembilan bulan lagi selepas semua hal berhubung dengan pentadbiran, teknikal dan kewangan Perbadanan itu diselesaikan.

Di samping itu katanya, jawatankuasa itu juga akan menyasat semua langkah yang penproka tanah rancangan TAKDIR.

Tindakan tegas akan diambil ke atas mereka yang didapati menghalang usaha pembangunan kerajaan, katanya.

## Sarang

Bellau tidak menerangkan lebih lanjut tentang pembaruan TAKDIR itu, tetapi Berita Harian difahamkan tanah-tanah rancangan Perbadanan itu akan diserapkan ke dalam pentadbiran Lembaga Pembangunan Kelantan Selatan (KESEDAR).

Berucap di majlis kesyukuran kemenangan

BN yang dihadiri oleh kira-kira 7,000 pekerja pilihanraya BN di kediamannya di sini semalam, Tengku Razaleigh berkata, langkah tersebut diambil bagi membersihkan jentera kerajaan negeri daripada golongan yang 'menikam kerajaan dari belakang'.

Katanya, bellau tidak mahu melihat tanah-tanah rancangan yang diwujudkan oleh kerajaan untuk memaju dan meningkatkan taraf hidup rakyat Kelantan dengan mencurahkan berjuta-juta ringgit dijadikan sarang golongan parti lawan untuk menghalang usaha pembangunan kerajaan itu.

Dengan tegas Tengku Razaleigh yang juga Pengerusi BN Negeri berkata, mulai sekarang kerajaan negeri akan memberi ketuamaan kepada projek-projek di kawasan yang diwakil oleh BN dan mengeneapkan kawasan-

kawasan yang diwakil PAS. Bagaimanapun, jalannya, projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan sekarang akan diteruskan juga walaupun ia sedang dilaksanakan di kawasan yang dimenangi oleh PAS.

Semasa pemerintahan PAS dulu, perbadanan itu dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Tanah Kelantan Negeri (LKFNT) tetapi apabila BN mengambil alih Kelantan dalam tahun 1978 namanya ditukar kepada Perbadanan Pembangunan dan Pemuliharaan Tanah Kelantan Darul Naim (TAKDIR) dan mempunyai 27 rancangan tanah seluas lebih 70,000 ekar dengan seramai lebih 7,000 penproka.

Bagaimanapun hampir setengah dari tanah rancangannya tidak dapat berjalan dengan lancar dan menghadapi banyak masalah

Sebab utamanya, seperti yang ditegaskan oleh Tengku Razaleigh ialah kerana ia telah menjadi sarang penyokong PAS yang sentiasa menentang usaha pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui perbadanan itu.

Bellau juga membaratkan 'jentera kerajaan Negeri dan parti akan dijalankan "supaya kita senang bergerak dan tidak ada orang yang menikam kita dari belakang dan tidak ada lagi musang yang berbulu ayam".

## Pagar

Katanya, ini termasuk menarakat di kalangan penghulu, mubaligh, imam, kerentangan kerajaan dan pemimpin parti untuk "memagar" pengaruh PAS di negeri ini di masa hadapan.

Tenku Razaleigh juga membidas penghulu-penghulu yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang disifatkan oleh bellau sebagai lemah dan 'tidak bertaring' untuk menyekat parti lawan di tempat masing-masing.

Katanya, setelah mengadakan rundingan dengan Badan Perhubungan UMNO Negeri adalah dipatuhi perlu jentera parti dan kerajaan diberitahkan "agar apa yang berlaku tidak berulang lagi".

"Sekarang kita sedang menyusun semula jentera kerajaan supaya bersih dan benar-benar kuat dan berkesan untuk meneguhkan kedudukan kita di negeri ini dan tidak ada musang berbulu ayam".

Tengku Razaleigh juga mengarahkan semua cawangan UMNO menubuhkan Persatuan Kebajikan Khairiat Kematin di setiap kampung untuk mengendalik pengkebumihan

orang-orang Islam di kalangan UMNO supaya tidak timbul lagi soal memulau sembahyang jemah.

Katanya langkah juga akan diambil untuk menarik balik kemulahan balik dari orang-orang PAS "kerana mereka telah menggunakan hasil dari balak yang kita berikan itu untuk menikam kita".

Tengku Razaleigh juga mengingatkan masanya sudah tiba untuk UMNO khususnya untuk berikap tegas dalam menghadapi PAS kerana tidak ada gunanya lagi berkompromi dengan golongan yang tidak mahu melihat Negeri Kelantan ini maju.

Di samping itu bellau juga menjelaskan, salah satu sebab kekalahan calon-calon BN di negeri ini ditangan PAS adalah berpucah: dari orang-orang dari dalam BN sendiri.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia